



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

1. Apakah yang saya perlu ketahui mengenai produk ini?

Pembiayaan ASB Berjangka-i merupakan satu kemudahan pembiayaan bagi pelanggan untuk menyertai pelaburan di bawah unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pembiayaan ini dijamin melalui Sijil ASB dan pelanggan boleh menikmati pulangan ASB yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun ASB pelanggan. Ia adalah kemudahan pembiayaan berjangka yang dijamin berlandaskan Syariah untuk pelanggan-pelanggan melabur dalam unit Amanah Saham Bumiputera (ASB).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk pembiayaan berjangka-i yang dijamin berlandaskan Syariah ini berasaskan konsep *Tawarruq* yang terdiri daripada beberapa kontrak Shariah termasuk *Murabahah*, *Wakalah* dan *Wa'd Mulzim* (janji yang mengikat). Pelanggan memohon pembiayaan daripada pihak Bank dengan membuat satu janji yang mengikat (*Wa'd Mulzim*) bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") (seperti minyak sawit mentah ("*MSM*"), resin plastik- polyethylene ("*PE*"), olein sawit RBD ("*OLN*") atau lain-lain komoditi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Bank) daripada pihak Bank pada Harga Jualan. Secara efektifnyanya, pihak Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian ("*Transaksi Belian*"), dan kemudiannya, menjual Komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan ("*Transaksi Jualan*"). Jual beli Komoditi adalah berasaskan *Murabahah*. Harga Jualan hendaklah dibayar oleh pelanggan kepada pihak Bank secara tertangguh. Pelanggan hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut melalui pihak Bank bertindak sebagai ejen di bawah *Wakalah* kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai peruntukan pembiayaan kepada pelanggan.

Transaksi *Tawarruq* hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada Pelanggan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Item	Butiran								
Huraian Produk	<ul style="list-style-type: none"> Di bawah skim ini, pelanggan memilih skim pembiayaan peribadi sebagai modal untuk pelaburan dalam ASB dan pelanggan perlu membayar ansuran bulanan (terdiri daripada prinsipal dan keuntungan) sehingga tamat tempoh pembiayaan. Pelanggan akan menikmati keuntungan melalui pendapatan dividen ASB dan simpanan. 								
Jumlah Pembiayaan	<p>Minimum : RM 10,000 Maksimum : RM 200,000*</p> <p>*Termasuk baki tertunggak sedia ada dalam Pembiayaan ASB Berjangka-i, (jika ada) atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.</p>								
Jumlah Sijil	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 200,000 unit Amanah Saham Bumiputera. Bilangan sijil boleh dipecahkan seperti berikut tertakluk pada denominasi minimum RM 1,000 setiap sijil. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Pelaburan</th> <th>Bilangan Maksimum Sijil ASB</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sehingga RM 50,000</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>> RM 50,000 - RM 100,000</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>> RM 100,000 - RM 200,000</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Pelaburan	Bilangan Maksimum Sijil ASB	Sehingga RM 50,000	2	> RM 50,000 - RM 100,000	3	> RM 100,000 - RM 200,000	5
Nilai Pelaburan	Bilangan Maksimum Sijil ASB								
Sehingga RM 50,000	2								
> RM 50,000 - RM 100,000	3								
> RM 100,000 - RM 200,000	5								



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan)

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

Item	Butiran														
Kadar Keuntungan	<table border="1"> <tr> <td>Amaun Pembiayaan</td> <td>: RM</td> </tr> <tr> <td>Margin Pembiayaan</td> <td>: %</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan</td> <td>: tahun</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td> <td>: % setahun</td> </tr> <tr> <td colspan="2"> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar Tetap = 4.99% setahun • Kadar Terapung = Kadar Asas + Spread setahun; • Kadar Keuntungan Efektif Kadar Asas +/- Spread </td> </tr> <tr> <td colspan="2">Had Kadar Keuntungan :10.50% setahun</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan (termasuk margin keuntungan)</td> <td>: RM</td> </tr> </table>	Amaun Pembiayaan	: RM	Margin Pembiayaan	: %	Tempoh Pembiayaan	: tahun	Kadar Keuntungan	: % setahun	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Tetap = 4.99% setahun • Kadar Terapung = Kadar Asas + Spread setahun; • Kadar Keuntungan Efektif Kadar Asas +/- Spread 		Had Kadar Keuntungan :10.50% setahun		Harga Jualan (termasuk margin keuntungan)	: RM
Amaun Pembiayaan	: RM														
Margin Pembiayaan	: %														
Tempoh Pembiayaan	: tahun														
Kadar Keuntungan	: % setahun														
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Tetap = 4.99% setahun • Kadar Terapung = Kadar Asas + Spread setahun; • Kadar Keuntungan Efektif Kadar Asas +/- Spread 															
Had Kadar Keuntungan :10.50% setahun															
Harga Jualan (termasuk margin keuntungan)	: RM														
Tempoh	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 25 tahun; ATAU • Sehingga usia 75 tahun; yang mana-mana terpakai. 														
Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga RM 200,000.00 bergantung kepada peletakan deposit. • Sehingga 105% daripada jumlah pembiayaan (termasuk yuran dan caj berkaitan seperti takaful, wasiat dan lain-lain). 														

4. Apakah Kadar Asas (KA)?

Kadar Asas (KA) adalah selaras dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan ia menggantikan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sebagai harga bagi pembiayaan runcit berlandaskan Islam berkuatkuasa pada 2 Januari 2015. Di bawah rangka kerja baru ini, Bank akan menggunakan kos dana hanya sebagai penanda aras untuk menetapkan sebut harga pada kadar asas mereka. Kadar Asas bagi BMMB dikira berdasarkan kepada kos purata dana. KA bukan sahaja diselaraskan apabila terdapat perubahan dalam dasar kewangan contohnya Kadar Dasar Semalaman (KDS) tetapi juga perubahan dalam syarat-syarat pembiayaan contohnya pergerakan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KTABKL).

5. Apakah kebarangkalian keadaan yang menyebabkan perubahan Kadar Asas (KA)?

Kadar Asas (KA) kami boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada penanda Aras Kos Dana (COF) dan juga perubahan ke atas Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Perubahan ke atas penanda Aras Kos Dana (COF) mungkin akan berlaku akibat perubahan ke atas Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Polisi Kewangan, Bank Negara Malaysia dan juga faktor-faktor lain seperti keadaan pasaran pembiayaan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi tempatan dan global.



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i


Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

6. Sejarah penanda Aras Kos Dana (COF) pada 3 tahun yang lepas



Nota: Sejarah penanda Aras Kos Dana (COF) di atas adalah bermula dari Januari 2015 sehingga April 2016 adalah berdasarkan 3 bulan Kadar Tawaran antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR). Bermula Mei 2016 sehingga Januari 2017, penanda COF yang digunakan adalah berdasarkan pendekatan secara hibrid. Pendekatan sut baharu adalah sedang dilaksanakan bermula Februari 2017.

7. Apakah tanggungjawab saya?

- (a) Anda perlu memastikan bahawa bayaran balik perlu dibuat pada 1^{hb} setiap bulan.
 (b) Ansuran Bulanan adalah seperti yang berikut:

i) Bagi Kadar Tetap

Jumlah Pembiayaan (RM)	Kadar Keuntungan	Tempoh	Ansuran Bulanan (RM)

- (c) Jumlah pembayaran berdasarkan KA pada akhir 25 tahun adalah RM _____.

ii) Bagi Kadar Terapung

Kadar	Hari ini (KA = __%)	Jika KA meningkat 1%	Jika KA meningkat 2%
Bayaran Bulanan	RM _____	RM _____	RM _____
Jumlah kos keuntungan di akhir tahun	RM _____	RM _____	RM _____
Jumlah bayaran di akhir tahun	RM _____	RM _____	RM _____

Nota:

- Pengiraan di atas adalah berdasarkan kepada andaian seperti (b). Ia adalah tertakluk kepada perubahan di dalam terma dan syarat.
- *Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran ini mungkin berbeza dengan perubahan dalam kadar asas (KA). Jika KA berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Jualan, seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan)

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi & Caj	Jumlah
Setem Hasil (Nominal)	RM 10
Fi Sijil ASB	RM 50

Nota:

- Caj/fi tersebut akan dibayar kepada ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam fi dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan fi dan caj.

9. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Sekiranya anda gagal untuk memenuhi kewajipan anda, berikut adalah caj-caj berkaitan dan tindakan undang-undang yang akan diambil oleh pihak Bank.

Caj Pembayaran Lewat	<p>Bank mempunyai hak untuk diberikan pampasan pada kelewatan dan kelalaian pembayaran berdasarkan kepada mekanisma berikut:-</p> <p>(a) <u>Ansuran Tertunggak atau Bayaran Berjadual</u></p> <p>Caj Pembayaran Lewat (CPL) sehingga 1% setahun akan dikenakan ke atas bayaran ansuran bulanan yang tertunggak dari pengeluaran pertama sehingga tempoh matang dengan memberikan anda notis 21 hari kalendar terlebih dahulu dan akan dikenakan bayaran pada hari berikutnya selepas tamat tempoh tarikh pembayaran.</p> <p>(b) <u>Apabila mencapai tempoh matang</u></p> <p>Kadar semasa bermalam harian bagi Pasaran Wang antara Bank secara Islam (IIMM) akan dikenakan bagi kegagalan untuk membayar jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau atas pertimbangan, yang mana lebih awal. Walau bagaimanapun, jumlah CPL yang dikenakan kepada pelanggan tidak akan dikompaun kepada jumlah pembiayaan yang tertunggak.</p>
Hak untuk hapus kira	<p>(a) Keberhutangan anda kepada Bank termasuk di dalam keberhutangan pada masa kini dan masa hadapan yang mungkin ditanggung oleh anda pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa sama ada sebagai peminjam dan/atau penjamin dan/atau penyedia cagaran hendaklah dijamin oleh cagaran ini atau dari semasa ke semasa yang memihak kepada Bank.</p> <p>(b) Bank berhak menolak sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun yang ada dengan Bank terhadap sebarang baki tertunggak dalam kemudahan pembiayaan berjangka ini selepas memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar. Sementara menunggu Bank melaksanakan tolgan tersebut, Bank berhak menahan dan/atau menggantung pembayaran apa-apa wang daripada baki kredit dalam akaun.</p> <p>(c) Pihak Bank berhak menjual Sijil ASB sekiranya berlaku kegagalan (dua (2) bulan tertunggak atau lebih) dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda bagi jumlah kekurangan (jika ada).</p>

Nota:

- Tindakan undang-undang akan dilaksanakan sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan yang dikeluarkan.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda dan mengakibatkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Pemberitahuan akan dikeluarkan kepada pelanggan.



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

10. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tempoh matang?

Ibra' atau Rebat akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada Pelanggan.
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun Kemudahan yang masih belum digunakan;
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* berdasarkan kepada perbezaan jumlah ansuran bulanan yang telah dibayar dan harga jualan sebenar pada akhir tempoh pembiayaan.
- Sebarang *Ibra'* atau Rebat yang diberikan oleh pihak Bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketepatan *Ibra'* yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian.

Nota:

Perkara (a), (b), & (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan tetap dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja dan tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

- Formula Umum *Ibra'*:

$$\begin{array}{ccccccc} \text{Baki Tertunggak (Harga} & & \text{Jumlah Prinsipal} & & \text{Jumlah Terhutang} & & \text{Pengurangan } Ibra' \\ \text{Jualan Tertunggak)} & - & \text{Tertunggak} & - & \text{kepada Bank}^1 & - & \end{array}$$

Yang mana:

¹Amaun terhutang kepada Bank merujuk kepada apa-apa amaun yang tertunggak apabila penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa, tunggakan keuntungan (jika ada), hutang, Ta'widh dan sebagainya.

² Pengurangan *Ibra'* merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum kematangan (jika terpakai).

11. Apakah risiko utama?

- Kadar terapung akan berubah mengikut perubahan Kadar Asas (KA); tertakluk kepada kadar maksimum yang telah dihadkan kepada 10.50% setahun.
- Sekiranya anda gagal membuat bayaran, Ta'widh akan dikenakan. Jika anda membuat bayaran kurang dari jumlah ansuran bulanan yang ditetapkan atau kami menerima bayaran anda selepas tarikh habis tempoh, Ta'widh pada kadar sehingga 1% setahun daripada jumlah tertunggak akan dikenakan.
- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda, sila hubungi kami dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.
- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda dan berterusan gagal, BMMB akan memberi amaran kepada pelanggan dengan kemungkinan tindakan pemuliharaan seperti tindakan prosiding undang-undang dan perampasan dan segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.

12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin tidak diperlukan kerana sijil ASB yang diperolehi daripada pembiayaan ini dan dicagarkan kepada pihak Bank.



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

13. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Tidak, anda tidak diwajibkan untuk mempunyai perlindungan Takaful. Walau bagaimanapun, anda bebas untuk memilih perlindungan Takaful bagi melindungi pembiayaan anda. Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

14. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk menghubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat untuk memastikan surat menyurat diterima tepat pada masanya.

Tulis kepada	: Bank Muamalat Malaysia Berhad Head Office Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel	: 1300-88-8787
Laman web	: www.muamalat.com.my
Cawangan	: Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau servis yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Tulis kepada	: Bank Muamalat Malaysia Berhad Head Office Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel	: 1300-88-8787
Laman web	: www.muamalat.com.my
Cawangan	: Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

- Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tulis kepada	: Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
Tel	: 1300-88-2575
E-mail	: enquiry@akpk.org.my



196501000376 (6175-W)

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i

Tarikh :

[Tarikh ini untuk diisi oleh Kakitangan Jualan)

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila baca terma & syarat am produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Tulis kepada	:	Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
Tel	:	1-300-88-5465
Fax	:	03-21741515
E-mail	:	bnmtelelink@bnm.gov.my

16. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami di www.muamalat.com.my.

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA BERJANGKA-i (ASB PB-i) ANDA. PIHAK BANK MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMBATALKAN PEMBIAYAAN INI PADA BILA-BILA MASA ATAS BUDI BICARA PIHAK BANK.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: **13 Mei 2020**